

Headline	Tiru model Medan Niaga Satok		
MediaTitle	Mingguan Sarawak		
Date	12 Feb 2017	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	37,981
Page No	E1	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	463 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,728
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 5,184



Tiru model Medan Niaga Satok

KUCHING: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) diminta mengkaji pembinaan lebih banyak pasar tani mega, dengan menjadikan Medan Niaga Satok di sini sebagai model, susulan kejayaan membanggakan dicapai pasar tani terbesar negara itu.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata ketika ini keperluan yang mendesak dilihat adalah bagi membangunkan model pasar berkenaan di bandar Sibu, yang terletak di bahagian tengah Sarawak, dan di bandar Kapit, di kawasan pedalaman.

Katanya Sarawak memiliki produk pertanian cukup unik yang masih banyak belum diketahui orang ramai terutama di luar Sarawak, yang dilihat mempunyai

potensi besar untuk dikembangkan dan dimajukan.

"Cuma yang diperlukan adalah pusat sehenti sempurna bagi tujuan pengumpulan, urusan logistik dan sebagainya buat produk-produk ini. Kita juga perlu cari tempat di Semenanjung untuk lihat bagaimana produk-produk ini boleh dikumpul dan dihantar di tempat lain.

"Juga perlu ada kempen supaya pengeluaran tak bergantung kepada permintaan di Sarawak sahaja, malah turut ada permintaan di Semenanjung, dan mungkin juga ke luar negara," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis sambutan ulang tahun kelima Medan Niaga Satok di sini yang disempurnakan oleh Ketua Menteri Datuk Amar

Abang Johari Tun Openg.

Fama dalam satu kenyataan yang diedar pada majlis semalam berkata, sejak ditubuhkan pada 2013, nilai jualan keseluruhan peniaga di Medan Niaga Satok sehingga kini menjangkau lebih RM206 juta.

Menurutnya tahun lepas menyaksikan peningkatan nilai jualan berjumlah RM48 juta berbanding RM45.5 juta pada tahun 2015.

Medan Niaga Satok yang dibina dengan kos RM46.6 juta merupakan projek inisiatif Abang Johari, di kawasan seluas lima hektar di Jalan Matang di sini, yang menyediakan 1,097 lot peniaga. Ia mula beroperasi pada Januari 2013.

Sementara itu, Shabery ber-

kata Medan Niaga Satok wajar dijadikan model untuk pembangunan lebih banyak pasar tani besar di seluruh negara kerana ia merupakan satu contoh sebuah projek yang berskala sederhana tapi memberi impak yang cukup besar.

Beliau berkata Sarawak seharusnya menjadi peneraju dalam bidang pertanian komersial dalam negara kerana ia memiliki kawasan tanah yang cukup luas yang boleh dimajukan dengan sektor pertanian berskala besar.

Menurutnya dengan hasil kerjasama baik kerajaan pusat dan kerajaan negeri, beliau yakin lebih banyak kejayaan dalam bidang pertanian akan dapat dilihat di Sarawak di masa akan datang. - Bernama

Headline	Tiru model Medan Niaga Satok		
MediaTitle	Mingguan Sarawak		
Date	12 Feb 2017	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	37,981
Page No	E1	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	463 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,728
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 5,184



INI DIA... Ketua Menteri Sarawak Datuk Amar Abang Johari Tun Openg (tiga, kiri) menunjukkan model Kompleks Medan Niaga Satok kepada Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek (dua, kiri) pada majlis perasmian sambutan ulang tahun keempat Medan Niaga Satok semalam. Turut hadir Timbalan Ketua Menteri Datuk Amar Douglas Uggas Embas (kiri) dan Pengerusi FAMA Tan Sri Badrudin Amiruldin (empat, kanan).
Bernama